Lapangan terbang RM500 juta dibina hujung tahun ini

UM-16/08/03.

PULAU TIOMAN 15 Ogos — Projek pembinaan lapangan terbang baru di Pulau Tioman dijangka mula dilaksanakan penghujung tahun ini dengan membabitkan kos kurang daripada RM500 juta.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis berkata, lapangan terbang berkenaan akan dibina dengan menambak laut secara selari dengan pantai di Kampung Paya.

Beliau menjelaskan, projek berkenaan kini sedang dalam peringkat mereka bentuk, menentukan kos serta penilaian Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) oleh agensi-agensi berkaitan.

"Kajian yang dilakukan mendapati, projek lapangan terbang ini lebih sesuai dilaksanakan dengan menambak laut kerana ia dapat meminimumkan kesan-kesan alam sekitar dan mengurangkan kos," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pejabat Kastam Diraja Malaysia serta majlis jamuan rakyat di sini, malam tadi.

Dr. Jamaludin berkata, lapangan terbang itu akan dibina selari dengan pantai serta mampu menampung pendaratan pesawat Boeing 737.

Katanya, kerajaan akan memastikan projek berkenaan tidak memberi kesan besar kepada alam semula jadi di Pulau Tioman senerti pencemaran kualiti air serta batu karang.

"Pembinaan lapangan terbang di laut ini sememangnya lebih baik darinada dibina di daratan yang memberi kesan lebih besar kepada alam sekitar kerana membabitkan pemotongan bukit," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan akan dilaksanakan secepat murigkin selepas laporan EIA diluluskan.

Katanya, dengan siapnya projek berkenaan, lapangan terbang yang ada sekarang akan ditutup dan dijadikan pasar raya bagi menampung keperluan pelancong yang bertambah selepas Pulau Tioman diisytihar pulau bebas cukai.

"Selain projek ini, kerajaan juga merancang untuk membina sebuah marina di pulau ini bagi menambah tarikan pelancong," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dibina di jeti sedia ada di Kampung Tekek dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun.